



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN APLIKASI KOMPUTER DALAM PEMBELAJARAN  
BAHASA MELAYU DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA***

**NASHAH BT. HASHIM**

**FBMK 2004 5**

**PENGGUNAAN APLIKASI KOMPUTER DALAM PEMBELAJARAN BAHASA  
MELAYU DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Oleh

**NASHAH BT. HASHIM**

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera.**

**April 2004**



*Salam penuh kasih sayang buat suamiku, Khairul Azmi Abu Mansor  
dan puteriku Husna Hanani,*

*tiada yang termampu kuluarkan melainkan ucapan terima kasih  
yang tidak terhingga atas segala-galanya yang telah kalian  
curahkan bagi mengiringi perjuangan ini.*

*Untuk bonda tercinta, serta seluruh ahli keluargaku,  
nasihat dan dorongan kalian menjadi sumber inspirasiku.*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**PENGUNAAN APLIKASI KOMPUTER DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Oleh

**NASIAH BT HASHIM**

**April 2004**

**Pengerusi : Profesor Madya Noor Aina Dani, Ph.D**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini adalah satu tinjauan tentang penggunaan perisian aplikasi komputer dalam pembelajaran Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM). Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis aplikasi komputer, kekerapan penggunaan perisian aplikasi komputer, persepsi pelajar terhadap penggunaan perisian aplikasi komputer, DAN membandingkan prestasi antara pelajar major dengan pelajar minor dalam pembelajaran Bahasa Melayu di UPM. Sampel kajian adalah pelajar kursus BBM 3410 Bahasa dalam Multimedia. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan set soal selidik dan markat akhir pelajar. Penganalisan data kajian dijalankan menggunakan pakej *SPSS 10.0 for Windows* dengan kaedah statistik kekerapan, peratusan dan ujian-t. Ujian Korelasi Pearson pula digunakan sebagai prosedur kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat empat perisian aplikasi komputer yang dominan digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu di UPM, iaitu

perisian pemprosesan perkataan, internet, e-mail, dan perisian persembahan multimedia. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan bagi setiap perisian aplikasi yang dikaji, lebih tinggi kekerapannya terhadap peringkat ciri asas kegunaan sahaja. Manakala bagi tiga aspek persepsi yang dikaji, iaitu aspek minat dan kesediaan, keberkesanan serta kesesuaian penggunaan perisian aplikasi komputer dalam pembelajaran Bahasa Melayu menunjukkan persepsi yang positif daripada pelajar. Hasil analisis Ujian-t pula, memperlihatkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar major dengan pelajar minor dalam prestasi pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan perisian aplikasi komputer. Berdasarkan hasil kajian tersebut, penyelidik telah mengajukan beberapa cadangan bagi meningkatkan penggunaan perisian aplikasi komputer, khususnya dalam pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi bagi merealisasikan misi dan visi kerajaan dalam bidang teknologi maklumat.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Masters of Arts.

**THE USAGE OF APPLICATION COMPUTER IN LEARNING MALAY  
LANGUAGE AT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

By

**NASIHAH HASHIM**

**April 2004**

**Chairman : Associate Professor Noor Aina Dani, Ph.D**

**Faculty : Modern Language and Communications**

This research is an observation on the usage of computer application software in learning Malay Language at Universiti Putra Malaysia (UPM). The research is intended to identify the types of computer application, the frequency of using the computer application software, the students' perception towards the usage of the computer application software, as well as the performance comparison between the major and minor students in learning Malay language at UPM. The research sample is taken from students who undertake the BBM 3140 Language in Multimedia module. The collection of data is done by using a set of questionnaires and also based on the final results. The analysis of data is done by using the SPSS 10.0 for Windows package and applying the frequency statistics and t-test method. Pearson Correlation Test is used as the verification and certification procedures for the equipment on test.

The research results indicated that there are four types of computer application software, which are dominantly used by students in learning Malay Language at the university,

namely the word processing software, Internet, e-mail, and multimedia presentation software. Research also shown that for each type of application on study, the usage is frequently higher on the basic application only. Whereas for the other three aspects on study, namely in terms of the interest and willingness, effectiveness, and suitability of using the computer application software in the context of learning Malay language have indicated a positive perception from students. In addition, the results from the t-test analysis shows that there is no significant difference between the major and minor students in terms of performance in learning the Malay language by using computer application software. Based on the research results, the researcher has forwarded a few recommendations to increase the level of using computer application software, especially in learning Malay language at higher education level to realize the government's mission and vision in the area of Information Technology.



## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah, kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka penyelidikan ini dapat diselesaikan dengan jayanya.

Kesenggangan waktu terluang ini, dengan penuh takzimnya jutaan terima kasih dirakamkan khas buat Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani (selaku pengerusi) yang banyak meluangkan masa membimbing, memberi saranan dan nasihat serta tunjuk ajar yang tidak terhitung nilainya. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Rasid Jamian dan Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah (selaku ahli jawatankuasa) atas segala ilmu yang dicurahkan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Setulus penghargaan buat En.Arbaie Sujud (pensyarah) atas kesudiannya memberikan ruang kepada penyelidik mendapatkan kerjasama, bimbingan dan tunjuk ajar dalam penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Universiti Utara Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia serta pelajar-pelajar kursus BBM 3410 Bahasa dalam Multimedia atas peluang dan kerjasama yang diberikan. Tidak ketinggalan buat keluarga dan rakan-rakan, terima kasih atas segalanya.

Wassalam.



## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PENGAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
<b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
Latar Belakang Kajian /	1
Latar Belakang Perkembangan Komputer	1
Aplikasi Komputer di Malaysia	2
Aplikasi Komputer dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM)	7
Pernyataan Masalah /	13
Objektif Kajian /	16
Soalan Kajian	16
Hipotesis Kajian	17
Kepentingan Kajian /	18
Batasan Kajian /	20
Definisi Operasional /	21
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	<b>23</b>
Latar Belakang Kajian /	23
Kajian tentang Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran	23
Kajian tentang Aplikasi Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran	28
Kajian tentang Persepsi terhadap Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran	38
Kesimpulan	42
<b>III METODOLOGI</b>	<b>44</b>
Reka Bentuk Kajian	44
Pendekatan Teori	44
Kerangka Reka Bentuk Kajian	50
Tempat Kajian	52
Subjek Kajian	52
Populasi dan Persampelan	52

Kaedah Kajian	53
Pendekatan Kajian	54
Pemboleh Ubah Kajian	55
Pemboleh Ubah Bebas	56
Pemboleh Ubah Bersandar	56
Alat Kajian	57
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	60
Tatacara Kajian	62
Kajian Rintis	62
Kajian Sebenar	62
Penganalisan Data	63
<b>IV ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN</b>	<b>64</b>
Pendahuluan	64
Analisis Kajian	65
Analisis Profil Responden	65
Objektif 1: Jenis-Jenis Perisian Aplikasi Komputer dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di UPM	67
Objektif 2: Kekерapan Penggunaan Perisian Aplikasi Komputer dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di UPM	71
Objektif 3: Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Perisian Aplikasi Komputer dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	85
Objektif 4: Perbandingan Prestasi antara Pelajar Major dengan Pelajar Minor dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di UPM	94
Perbincangan Dapatan Kajian	99
Rasional Teori Dengan Dapatan Kajian	111
Implikasi Kajian	114
<b>V RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>117</b>
Rumusan	117
Cadangan	119
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>123</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
<b>BIODATA PENULIS</b>	



**SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1	Jumlah Skor Soal Selidik Pelajar	60
2	Profil Responden	66
3	Jenis-Jenis Perisian Aplikasi Komputer yang Digunakan oleh Pelajar	68
4	Taburan Kekerapan Penggunaan Pemprosesan Perkataan	72
5	Taburan Kekerapan Penggunaan Hamparan Elektronik	74
6	Taburan Kekerapan Penggunaan Perisian Persembahan Multimedia	77
7	Taburan Kekerapan Penggunaan Grafik dan Ilustrasi	79
8	Taburan Kekerapan Penggunaan Internet	81
9	Taburan Kekerapan Penggunaan E-mail	83
10	Taburan Kekerapan Penggunaan Sembang Siber	85
11	Minat dan Kesediaan Pelajar untuk Menggunakan Perisian Aplikasi Komputer dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	89
12	Kesan Penggunaan Perisian Aplikasi Komputer dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	91
13	Kesesuaian Penggunaan Perisian Aplikasi Komputer dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	93
14	Analisis Ujian-t	97

**SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Kerangka Konseptual Teori Pembelajaran Konstruktivisme	48
2	Kerangka Reka Bentuk Kajian	51



## SENARAI SINGKATAN

UPM	-	Universiti Putra Malaysia
ARPANET	-	<i>Advanced Research Projects Agency</i>
PPBK	-	Pengajaran Pembelajaran Berbantuan Komputer
MIMOS	-	Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KRM	-	Koridor Raya Multimedia
KLIA	-	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
TM	-	Teknologi maklumat
NITC	-	<i>National IT Council</i>
NITA	-	<i>National IT Agenda</i>
NT&T	-	<i>Nippon Telegraph and Telecommunications</i>
CALL	-	<i>Computer Assisted Language Learning</i>
CAI	-	<i>Computer Assisted Instruction</i>
PLATO	-	<i>Program Logic Automated Machine</i>
WWW	-	<i>World Wide Web</i>
IRC	-	<i>Internet Relay Chat</i>
BBS	-	<i>Buletin Board System</i>
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
PPST	-	<i>Pre-Professional Skills Test</i>
IKIP	-	Institut Kemahiran Islam Pahang
DTP	-	<i>Desktop Publishing</i>
UUM	-	Universiti Utara Malaysia
USM	-	Universiti Sains Malaysia
RSTP	-	Rancangan Sijil Teknologi Pendidikan
OHP	-	<i>Overhead projector</i>

**BAB I**  
**PENDAHULUAN**  
**Latar Belakang Kajian**

**Latar Belakang Perkembangan Komputer**

Sejarah perkembangan komputer telah bermula sejak beribu-ribu tahun dahulu hingga ke hari ini. Peranan tokoh Islam seperti al-Khawarizmi (790-847M) dengan konsep sifar, algebra, dan algoritmanya ialah pemikiran terawal bagaimana idea pengkomputeran moden dapat diketengahkan. Satu fakta yang diakui sejarah tentang siapakah sebenarnya pelopor terpenting dalam penciptaan komputer ialah komputer bukanlah dicipta oleh seorang dua dari Eropah atau Amerika dan bukanlah dari satu atau dua abad tertentu sahaja. Oleh yang demikian, senarai tokoh dari Eropah dan Amerika dari abad ke-19 dan ke-20 hanyalah sebahagian daripada ribuan penyumbang kepada idea pengkomputeran yang merentas pelbagai zaman (Hairudin Harun, 1999).

Aplikasi komputer dan rangkaian internet yang menjadi asas teknologi maklumat telah lama bertapak sejak tahun 1960-an. Penggunaan komputer dan teknologi maklumat bermula dengan penciptaan ARPANET, iaitu rangkaian telekomunikasi *Advanced Research Projects Agency*, Pentagon USA pada tahun 1969. ARPANET dilahirkan di makmal militari pentagon sebagai sistem komunikasi

yang lebih efisien dalam persediaan menghadapi peperangan. Justeru, teknologi maklumat muncul akibat paranoia perang dingin dan juga akibat kemajuan teknologi makmal tentera (Anderson,1996 ).

Sejak awal 1960-an, komputer telah diaplikasikan dalam bidang pendidikan untuk menjalankan pelbagai tugas. Kajian telah membuktikan keberkesanan komputer dalam mempertingkatkan produktiviti dan pencapaian. Walaupun pada mulanya penggunaan komputer hanya melibatkan organisasi-organisasi besar tetapi pada lewat tahun 1970-an, penggunaannya telah diperkenalkan di institusi-institusi pendidikan. Penggunaan komputer diperkembangkan di institusi terkenal dunia seperti Universiti Harvard, Universiti Stamford dan Institut Teknologi Massachusetts di Amerika Syarikat serta tempat-tempat lain di serata dunia. Para pendidik telah memanfaatkan keupayaan komputer untuk menyelesaikan masalah-masalah pembelajaran mereka.

### **Aplikasi Komputer di Malaysia**

Mohamad Awang Lah (1988), berpendapat bahawa sejarah komputer di Malaysia belum mencapai setengah abad. Agensi kerajaan terawal yang mula menggunakan komputer ialah Jabatan Hasil Dalam Negeri, Lembaga Letrik Negara dan Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang pada pertengahan tahun 1960-an. Perkembangan penggunaan komputer selanjutnya tidak begitu ketara sehingga akhir

tahun 1970-an iaitu apabila penggunaan minikomputer dan mikrokomputer mula berkembang.

Sejak lebih sedekad yang lalu, kesedaran tentang kepentingan aplikasi komputer dalam bidang pendidikan mula disuarakan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keempat Dato' Seri Dr.Mahathir Mohamed. Usaha ini diharapkan dapat merealisasikan aspirasi negara untuk mencapai tahap negara maju berasaskan sains dan teknologi menjelang tahun 2020. Untuk mencapai hasrat ini negara memerlukan rakyat yang menguasai teknologi tinggi dan berorientasikan teknologi maklumat. Keperluan ini telah menimbulkan cabaran kepada bidang pendidikan untuk melahirkan generasi yang berketrampilan dan mampu menyahut cabaran ke arah merealisasikan matlamat tersebut.

Hamdan Misran (2001) dalam kertas kerjanya menyatakan perkembangan pantas arus teknologi komputer dan media elektronik yang semakin hari semakin mewarnai kehidupan manusia dalam era globalisasi akan menjadi sebahagian daripada cabaran dunia pendidikan. Mahu tidak mahu generasi mendatang perlu disiapkan dengan kecekapan dan pengetahuan yang berguna bagi menempuhi zaman mereka.

Justeru, institusi pendidikan sebagai wadah terpenting perlu mengalami perubahan terlebih awal berbanding institusi lain untuk mencapai matlamat tersebut.



Sekolah yang menjadi tempat didikan awal seseorang ialah ruang yang paling sesuai untuk menyampaikan pengetahuan terkini, melatih kemahiran dan juga memupuk sesuatu nilai (Zoraini Wati Abas, 1995). Budaya persekolahan seharusnya diubah daripada sesuatu yang berdasarkan ingatan kepada yang berpengetahuan, berpemikiran, berdaya kreatif dan penyayang dengan menggunakan teknologi terkini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997).

Sealiran dengan itu, pelbagai perancangan dan usaha telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama pihak swasta bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara. Antaranya termasuklah Projek Pengenalan Kepada Komputer yang dilancarkan pada tahun 1986 di 20 buah sekolah terpilih. Manakala Projek Literasi Komputer dalam Pendidikan di 60 buah sekolah dilancarkan pada tahun 1992. Kemudian, diikuti dengan Projek Pengajaran Pembelajaran Berbantuan Komputer (1994), Projek Jaringan Pendidikan (1995) dan Projek Sekolah Bestari yang dilaksanakan mulai Januari 1999. Mulai tahun 1995, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan program Komputer dalam Pendidikan dengan memberi penekanan kepada empat mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik (Ahmad Rasidi Osman, 1999).

Konsep pengajaran dan pembelajaran berasaskan komputer (PPBK) pula dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan pencapaian pelajar melalui penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mempelbagaikan

teknik pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan mutu pendidikan. Di samping itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran ini dapat mendedahkan para pelajar kepada penggunaan komputer dalam pembelajaran (Said Draman,2001).

Kerajaan juga telah menubuhkan Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) pada tahun 1985 bagi menggalakkan pertumbuhan dan kemajuan teknologi maklumat di Malaysia. Dalam bidang pendidikan, salah satu usaha awal MIMOS ialah bekerjasama dengan semua universiti dan institusi pengajian tinggi tempatan untuk menerapkan kursus yang berkaitan dengan mikroelektronik dalam kurikulum mereka.

Sehubungan itu, Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) telah menubuhkan Fakulti Teknologi Maklumat atau mewujudkan program ijazah sains komputer. Institusi pengajian tinggi swasta juga banyak menyetengahkan program atau kursus berkaitan teknologi maklumat. Sekolah latihan komputer, baik yang besar mahu pun yang kecil telah banyak dibuka dan bilangannya meningkat dengan cepat sama ada di bandar atau di luar bandar. Antara institusi latihan komputer yang terbesar dan termaju termasuklah Kolej Cosmopoint dan Informatics. Penubuhan Universiti Multimedia pada tahun 1999, yang berteraskan teknologi maklumat pula diharapkan dapat melahirkan graduan yang diperlukan untuk membangunkan projek gergasi negara iaitu Koridor Raya Multimedia. Universiti ini diterajui oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Koridor Raya Multimedia (KRM) terletak di Lembah Kelang dalam sebuah kawasan berukuran 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang yang dikhaskan untuk pembangunan multimedia di Malaysia. Kawasan ini bermula dari Menara Kembar Petronas di pusat bandar raya Kuala Lumpur dan tamat di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Projek KRM terhasil daripada perbincangan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (*National IT Council* – NITC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed sebagai satu langkah untuk mencapai Agenda TM Kebangsaan (*National IT Agenda* – NITA). Projek ini bertujuan untuk menjadi sebuah kawasan *testbed* bagi tujuh aplikasi perdana, iaitu :

1. Kerajaan Elektronik
2. Kad Pintar Serba Guna
3. Sekolah Bestari
4. Teleperubatan
5. Kelompok R&D
6. Jaringan Pengilangan Sedunia
7. Pemasaran Tanpa Sempadan

Untuk merealisasikan aplikasi perdana tersebut, kerajaan telah bekerjasama dengan syarikat-syarikat teknologi maklumat terbesar di dunia dengan tujuan menjadikan KRM sebagai salah satu lembah silikon tumpuan antarabangsa. Ketua-

ketua eksekutif syarikat-syarikat seperti *Microsoft, Lotus, Nippon Telegraph and Telecommunications (NT&T)* dan syarikat-syarikat teknologi maklumat yang lain atau telekomunikasi terbesar dunia menganggotai *International Advisory Panel* yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia ketika itu (Zoraini Wati Abas, 2000).

Dengan terlaksananya projek KRM ini, maka aplikasi komputer di Malaysia akan dapat dipertingkatkan dalam semua aspek pembangunan negara. Lebih-lebih lagi bidang pendidikan sebagai tunggak utama pembangunan sesebuah negara.

### **Aplikasi Komputer dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM)**

Pembelajaran bahasa berbantuan komputer atau *Computer Assisted Language Learning (CALL)* bukanlah perkara baru dalam dunia pendidikan. Kaedah pembelajaran ini berkembang daripada *Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK)* atau *Computer Assisted Instruction (CAI)* yang diperkenalkan pada tahun 1960-an. PBK mula diperkenalkan di Universiti Illinois melalui rangkaian sistem PLATO (*Program Logic Automated Machine*) yang merangkaikan universiti dan sekolah di Amerika syarikat. PLATO bukan sahaja menyediakan ruang untuk menempatkan perisian PBK, tetapi juga menguruskan permintaan pembelajaran, memantau pembelajaran, memantau perkembangan kemajuan pelajar, dan memberikan peluang

kepada pelajar dan pensyarah untuk berkomunikasi melalui komputer. Rangkaian sistem PLATO yang menggunakan kerangka komputer utama telah diganti dengan NOVANet yang menggunakan komputer peribadi pada tahun 1991. Walau bagaimanapun, tidak lama selepas rangkaian ini dilaksanakan, WWW (*World Wide Web*) mula diperkenalkan dalam dunia teknologi maklumat pada tahun 1993. Rangkaian WWW ini memberikan ruang yang lebih luas kepada pembelajaran bahasa menggunakan komputer untuk digunakan dalam kelas tanpa sempadan (Supyan Hussin, 1994).

Aplikasi komputer dalam pembelajaran bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dipraktikkan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi melalui kursus BBM 3410 Bahasa Dalam Multimedia. Kursus ini diwujudkan selaras dengan penubuhan Koridor Raya Multimedia (KRM) atau *Multimedia Super Corridor* (MSC) yang secara rasminya diisytiharkan pada 29 Ogos 1995 oleh Perdana Menteri Malaysia keempat, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed. Kedudukan UPM dalam lingkaran KRM menjadi inspirasi Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi menggubal satu kursus berkaitan dengan teknologi maklumat.

Kursus Bahasa Dalam Multimedia merupakan kursus wajib untuk bergraduat bagi pelajar-pelajar program bahasa dan linguistik Melayu sama ada major atau minor. Para pelajar kursus ini didedahkan dengan teori-teori berkaitan aplikasi

komputer dalam kuliah dan mempraktikkannya di dalam kelas tutorial di makmal komputer. Para pelajar diberi peluang untuk mempraktikkan dan membuat latihan di dalam makmal dengan bantuan dan bimbingan pensyarah dan tutor. Manakala penilaian kursus dijalankan berdasarkan tugas, kuiz, dan peperiksaan akhir. Para pelajar diarahkan untuk menghasilkan satu produk menggabungkan teori dan bentuk aplikasi yang diperoleh untuk menghasilkan tugas. Manakala, kuiz pula diberikan oleh pensyarah dalam talian melalui e-mail. Sesi kuiz ini memberi pendedahan kepada pelajar untuk menyelesaikan masalah dalam situasi tertentu menggunakan aplikasi komputer. Selain itu, setiap pelajar dikehendaki membuka akaun e-mail bagi memudahkan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kandungan kursus ini digubal selaras dengan perkembangan terkini perkakasan, perisian dan aplikasi komputer. Pada awal kursus, pelajar didedahkan dengan definisi konsep teknologi maklumat dan multimedia. Kemudian, diikuti dengan kemahiran membaca dan menulis berbantuan komputer, pembangunan kecekapan berkomunikasi menggunakan internet, penggunaan multimedia untuk pembangunan bahasa serta pembelajaran bestari dan maya melalui lebuhraya maklumat.